

JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PREMIS KUARANTIN HAIWAN (UNGGAS EKPORT)

TAHUN 2026

Garis panduan pengurusan kuarantin di Premis Kuarantin Haiwan Unggas Eksport ini boleh berubah dari semasa ke semasa tertakluk kepada arahan Ketua Pengarah selaras dengan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]

(MOHAMAD SHAFFIE BIN HASSAN)

Ketua Pengarah Kuarantin Dan Pemeriksaan

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Tarikh : 28/10/2026

KANDUNGAN

BIL.	BUTIRAN	MUKA SURAT
1.	Pendahuluan	1
2.	Tujuan	1
3.	Tasiran	1-2
4.	Carta Alir Proses Permohonan Premis Kuarantin Haiwan (Unggas Eksport)	3
5.	Proses Kerja Permohonan Premis Kuarantin Haiwan (Unggas Eksport)	4-5
6.	Lampiran 1 – Senarai Semak Dokumen Permohonan Pengisytiharan Premis Kuarantin (Unggas Eksport)	6
7.	Lampiran 2 – Senarai semak Spesifikasi Premis Kuarantin (Unggas Eksport)	7-10
8.	Lampiran 3 – Contoh Pelan Susun Atur	11
9.	Lampiran 4 – Contoh Papan Tanda Tidak Bertiang	12-13
10.	Lampiran 5 – Contoh Papan Tanda Bertiang	14-15

1. PENDAHULUAN

1.1 Garis panduan ini dikeluarkan bagi pemohon yang mempunyai premis persendirian untuk dijadikan premis kuarantin unggas yang dieksport ke luar negara. Garis panduan ini juga adalah untuk memberi panduan kepada pemohon yang terlibat agar mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

2. TUJUAN

2.1 Garis panduan permohonan premis kuarantin haiwan unggas Eksport adalah panduan kepada pemohon premis kuarantin untuk memohon pengisytiharan premis kuarantin serta menjalankan aktiviti kuarantin yang tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

3. TAFSIRAN

Binatang - ertinya binatang yang mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Binatang 1953 [Akta 647] termasuk kuda, lembu, bebiri, kambing, babi, anjing, kucing dan mana-mana binatang liar berkaki empat yang diletakkan dalam kurungan atau di bawah kawalan, daripada sebarang umur dan jantina dan termasuk burung;

Pegawai Penguat Kuasa - ertinya seseorang pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah Seksyen 5 atau 6, Akta 728;

Pintu Masuk - ertinya mana-mana pintu masuk atau pintu keluar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

Kargo – Bermaksud barang-barang yang dibawa (diangkut) oleh pengangkut bagi tujuan perdagangan;

Borang K1 – Bermaksud Borang Isytihar Eksport (K1) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia;

Sijil Kesihatan Veterinar - Bermaksud satu perakuan kesihatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa veterinari negara pengeksport;

Airway bill (AWB) - Adalah dokumen yang mengiringi barang-barang yang dihantar oleh kurier antarabangsa untuk memberi maklumat terperinci dan daya jejak perjalanan;

Borang MK1 - Borang Tempahan Kemudahan Kuarantin;

Borang MK2 - Borang Akujanji Pemunya Haiwan Semasa Haiwan Berada Di Stesen Kuarantin;

Borang MK3 - Borang Iringan Penghantaran Haiwan ke Stesen Kuarantin / Premis Kuarantin;

Borang MK4 - Borang Akaun Penerimaan Penghantaran Haiwan ke Stesen Kuarantin / Premis Kuarantin;

Borang MK8 – Borang iringan penghantaran sampel dari Stesen Kuarantin / Premis Kuarantin;

Borang MK9 - Bil Caj Bayaran Kuarantin Stesen Kuarantin / Premis Kuarantin;

Borang MK10 - Sijil Kuarantin (Pelepasan Haiwan daripada Kuarantin di Stesen Kuarantin / Premis Kuarantin) makanan;

Permit - permit yang dikeluarkan di bawah subseksyen 12(4);

Pemunya – Berkenaan dengan barang-barang termasuklah penerima konsain, pemberi konsain, pengEksport, pengeksport, dan ejen atau seseorang yang memiliki, atau mempunyai apa-apa kawalan ke atas, atau kuasa melupuskan apa-apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanih, mikroorganisma atau makanan;

Haiwan - Termasuk ayam domestik, itik, angsa, ayam belanda, ayam kampung, puyuh, burung unta, burung walit, ayam mutiara, burung merpati dan semua jenis burung yang dipelihara pada semua peringkat umur dan jantina, dan telurnya.

CARTA ALIR PROSES KERJA PENDAFTARAN DAN PENGISYTIHARAN PREMIS KUARANTIN HAIWAN UNGGAS EKSPORT



PROSES KERJA PENDAFTARAN DAN PENGISYTIHARAN PREMIS KUARANTIN HAIWAN

PROSES KERJA	KETERANGAN
Penghantaran Surat Tunjuk Minat	Pemohon yang berminat untuk menyediakan dan mendapatkan kelulusan pengisytiharan premis kuarantin unggas (Eksport) perlu menghantar surat kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) bagi menunjukkan minat untuk menyediakan kemudahan premis kuarantin haiwan (unggas eksport). E-melkan permohonan ke bq@maqis.gov.my atau menghubungi **03-8870 8000.**
Lawatan Dan Pemeriksaan Awal Premis	Bahagian Kuarantin Ibu Pejabat akan menyemak maklumat premis dan lawatan tapak premis akan dijalankan.
Sekiranya Tidak Patuh	Pegawai Bahagian Kuarantin Ibu Pejabat akan menghantar surat kepada pemohon jika pemeriksaan awal premis tidak patuh dan pemohon perlu menghantar surat tunjuk minat yang baru bagi cadangan tapak premis yang lain.
Surat Maklum Balas Lawatan Dan Pemeriksaan Awal Premis	Bahagian Kuarantin, Ibu Pejabat akan mengeluarkan surat maklum balas lawatan dan pemeriksaan awal premis bagi memaklumkan lokasi premis tersebut bersesuaian untuk dijadikan premis kuarantin (unggas eksport).
Permohonan Pendaftaran Premis	Pemohon yang telah menerima surat maklum balas bagi pengisytiharan premis kuarantin (unggas eksport) perlu menghantar surat permohonan rasmi secara bertulis bersama dokumen berkaitan.
Semakan Dokumen Pendaftaran	Bahagian Kuarantin, Ibu Pejabat menerima permohonan dari pemohon bersama dokumen dan membuat semakan.
Semakan Dokumen	Semak permohonan beserta dengan dokumen yang diperlukan seperti berikut: **1) Maklumat Pemohon** • Surat rasmi permohonan premis kuarantin (unggas eksport) kepada Ketua Pengarah MAQIS; • Salinan kad pengenalan/pasport pemohon (hadapan dan belakang); • Salinan bil utiliti terkini (Elektrik/air); • Salinan sijil pendaftaran syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); • Salinan SSM - Status pemilikan syarikat; • Salinan dokumen status pemilikan premis/tanah;

	• Salinan surat perjanjian sewaan/pajakan premis tanah (jika berkenaan/sijil carian rasmi); dan • Salinan geran tanah pemilik (jika pemohon menyewa) 2) Susun atur / Pelan Lakar: • Lokasi premis; • Susun Atur/Pelan Lakar premis; • Sistem saliran kumbahan dalam keadaan baik; • Sumber air bersih; • Kedudukan foot bath bagi nyahkuman; • Stor simpanan peralatan; • Bilik kuarantin berhawa dingin (premis bertutup) / kipas (premis yang terbuka); • Bilik rawatan unggas; • Bilik ruang pentadbiran; dan • Gambar premis (hadapan, belakang, sisi dan dalam premis) 3) Contoh Susun Atur/Pelan Lakar seperti di lampiran 3.
Permohonan yang diterima lengkap	Audit pemeriksaan premis akan dijalankan
Sekiranya permohonan tidak lengkap	Bahagian Kuarantin ibu Pejabat akan mengembalikan permohonan kepada pemohon untuk dilengkapkan sebelum dihantar semula. Untuk penghantaran semula permohonan, rujuk kepada proses kerja (permohonan premis kuarantin haiwan (unggas Eksport)).
Surat dan sijil pengisytiharan premis	Pemohon akan diberikan **sijil kelulusan (>1 tahun) pengisytiharan premis kuarantin haiwan (unggas Eksport)**. Setelah mendapat kelulusan, premis boleh menjalankan operasi sebagai premis kuarantin haiwan (unggas Eksport).
Papan tanda	Bagi setiap permohonan premis kuarantin yang baharu, pemohon dikehendaki menyediakan papan tanda premis kuarantin mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam **Lampiran 4** (tidak bertiang) atau di **Lampiran 5** (bertiang). Pemasangan papan tanda ini wajib diselesaikan dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh kelulusan rasmi dikeluarkan oleh MAQIS. Walau bagaimanapun, bagi premis yang diberikan kelulusan sementara dengan tempoh kurang daripada satu (1) tahun, keperluan pemasangan papan tanda ini adalah dikecualikan.

Lampiran 1

SENARAI SEMAK DOKUMEN BAGI PERMOHONAN PENGISYTIHARAN PREMIS KUARANTIN HAIWAN (UNGGAS EKSPORT)

Bil.	SENARAI DOKUMEN	Tanda (√)	Tanda (x)	Catatan
1	Surat Permohonan kepada Ketua Pengarah			
2	Surat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) (jika berkenaan).			
3	Salinan kad pengenalan pemohon hadapan dan belakang (salah seorang daripada Status Pemilikan syarikat di SSM)			
4	Salinan Sijil SSM - status pemilikan (yang masih sah)			
5	Salinan Dokumen Status Milikan Premis/Tanah (Geran Tanah)			
6	Salinan surat perjanjian sewaan/pajakan premis/pajak tanah yang telah disahkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (jika berkaitan)			
7	Lakaran ladang/Pelan lakar premis / syarikat			
8	Gambar premis			
9	Salinan pelantikan doktor veterinar (jika ada)			

Lampiran 2

1.0 LOKASI DAN BIOSEKURITI

Bil.	Senarai Semak	√	X	Catatan
1	Pagar perimeter mengelilingi premis			
2	Hanya satu pintu keluar/masuk utama			
3	Sistem kawalan akses (berkunci/CCTV)			
4	Vehicle dip atau mist sprayer			
5	Foot bath di setiap pintu masuk			
6	Zon Bersih dan Zon Kotor			
7	Bangunan kalis kemasukan burung liar (bird-proofing)			
8	Program kawalan tikus, serangga dan haiwan perosak			
9	Terasing daripada kawasan atau kumpulan ternakan yang terdekat.			
10	Mempunyai hubungan jalan raya yang baik dari jalan utama ke Premis Kuarantin			
11	Papan tanda premis			

2.0 INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KUARANTIN

Bil.	Senarai Semak	√	X	Catatan
1	Minimum 3 bilik kuarantin			
2	Setiap lot Eksport diasingkan			
3	Kurungan tidak bercampur spesis			
4	Saiz sangkar mengikut Kod Amalan Kebajikan Haiwan Veterinar (DVS)			
5	Bekas makanan dan minuman yang mencukupi bagi setiap sangkar			
6	Pengudaraan baik			
7	Bilik rawatan			
8	Bilik post mortem berasingan			
9	Bilik isolasi unggas sakit			
10	Bilik persalinan PPE			
11	Kawasan sanitasi peralatan			

3.0 KAWALAN PENCEMARAN DAN PELUPUSAN

Bil.	Senarai Semak	√	X	Catatan
1	Sistem perparitan			
2	Tempat Pelupusan (bangkai/najis)			
3	Tempat Pelupusan sampah			
4	Kawalan pencemaran bau			

4.0 SUMBER AIR DAN ELEKTRIK

Bil.	Senarai Semak	√	X	Catatan
1	Bekalan air bersih			
2	Tangki simpanan air			
3	Bekalan elektrik			
4	Generator sokongan (sekiranya ada)			

5.0 PENYIMPANAN

Bil.	Senarai Semak	√	X	Catatan
1	Stor peralatan			
2	Stor makanan			
3	Stor ubat			
4	Stor PPE			
5	Stor bahan kimia/disinfektan			
6	Penyimpanan rekod			

6.0 KAWALAN PENYAKIT

Bil.	Senarai Semak	√	X	Catatan
1	Rekod pemeriksaan harian			
2	Rekod mortality			
3	Rekod rawatan			
4	Rekod penggunaan ubat			
5	Peralatan mengikut bilik kuarantin			
6	Pengambilan sampel jika diperlukan			

7.0 KEBAJIKAN HAIWAN

Bil.	Senarai Semak	√	X	Catatan
1	Bekas makanan mencukupi			
2	Bekas minuman mencukupi			
3	Pencahayaan sesuai			
4	Pengudaraan mekanikal jika kandang tertutup			

8.0 KEMUDAHAN PEKERJA

Bil.	Senarai Semak	√	X	Catatan
1	Kasut ladang (Boots)			
2	Pakaian seragam/PPE			
3	Bilik rehat			
4	Kemudahan mencuci tangan			
5	Buku log keluar masuk			


PLAN PREMIS KUARANTIN UNGGAS
12000
18000
BILIK KUARANTIN 1
BILIK KUARANTIN 2
BILIK KUARANTIN 3
BILIK RAWATAN
RUANG PEJABAT DAN MENUNGGU
STOR PERALATAN
FOOTDIP (PEMBASMI KUMAN)
KAWASAN OPERASI / PERGERAKAN KENDERAAN
KAWASAN OPERASI / PERGERAKAN KENDERAAN
MASUK / KELUAR
PETUNJUK
Pintu
Sinki / Basuhan
Pengudaraan
Rak / Almari
NOTA :
• Premis hanya menggunakan 1 pintu (masuk dan keluar).
• Semua individu dan kenderaan wajib melalui footdip sebelum masuk/keluar.
• Bilik kuarantin direka untuk pengasingan unggas import.
• Aliran pergerakan adalah sehala bagi mengelakkan pencemaran silang.

JENIS 1: PAPAN TANDA HOLLOW



SPESIFIKASI TERPERINCI:

Bahan Papan Tanda:

- Gunakan **Aluminium Composite Panel (ACP)** atau **Acrylic** sebagai bahan utama untuk papan tanda.

Kerangka (Frame):

- Gunakan kerangka berongga (**Hollow Frame**) bersaiz **1 inci x 1 inci x 1.2 mm**.

Logo:

- Kedua-dua logo perlu berukuran **12 inci x 12 inci** dan menggunakan format **PNG**.

Garisan Tepi:

- Pastikan garisan tepi berukuran **3 inci** tebal dan menggunakan warna dengan kod **#028A0F**.

Jenis dan Saiz Fon:

- Gunakan jenis fon **Arial Bold** dengan saiz **140pt**.

Latar Belakang dan Warna Pelekat:

- Gunakan **pelekat reflektif silver** sebagai latar belakang.
- **Pelekat reflektif hijau** digunakan untuk garisan tepi.
- **Pelekat dengan kemasan matte** digunakan untuk tulisan, nombor, dan logo.

Kaedah Pemasangan:

- Papan tanda mesti dipasang menggunakan **bolt** dan **nat** pada setiap penjuru.
- Semua **bolt** dan **nat** perlu diperbuat daripada **besi lembut (M.S)** yang telah **digalvani**.

Maklumat Kelulusan dan Tempoh Sah:

- Maklumat **No. Kelulusan** dan **Tempoh Sah** mesti dipaparkan menggunakan **Frame Partition Acrylic Slot**.

JENIS 2: PAPAN TANDA HOLLOW BERTIANG



SPESIFIKASI TERPERINCI:

Bahan Papan Tanda:

- Papan tanda hendaklah menggunakan **Aluminium Composite Panel (ACP)** atau **Acrylic**.

Kerangka (Frame):

- Kerangka berongga (**Hollow Frame**) bersaiz **1 inci x 1 inci x 1.2 mm** perlu digunakan.

Logo:

- Kedua-dua logo hendaklah bersaiz **12 inci x 12 inci** dengan format **PNG**.

Tiang Sokongan:

- Gunakan dua tiang jenis **Hollow Square** bersaiz **3 inci x 2 inci x 1.8 mm**, dengan panjang **6 kaki** dari aras tanah.
- Tiang perlu ditanam ke dalam tanah sedalam **1 kaki** dan diperkukuhkan dengan **concrete bar**.

Garisan Tepi:

- Pastikan garisan tepi papan tanda berukuran **3 inci** tebal dan menggunakan warna kod **#028A0F**.

Jenis dan Saiz Fon:

- Gunakan jenis fon **Arial Bold** dengan saiz **140pt**.

Latar Belakang dan Pelekat:

- **Pelekat reflektif silver** mesti digunakan sebagai latar belakang.
- **Pelekat reflektif hijau** digunakan untuk garisan tepi.
- **Pelekat dengan kemasan matte** digunakan untuk tulisan, nombor, dan logo.